


11

Harian metro  
25/10/16  
mls 4-5



KAMARUDIN menunjukkan serai paha gajah yang mempunyai saiz yang besar.



KAMARUDIN memotong rumpun serai.

# PENANGAN SERAI PAHA GAJAH

gajah ialah saiz yang besar berbanding serai jenis lain dan hasil pengeluaran juga lebih cepat.

"Hanya 10 hingga 12 batang serai paha gajah sudah mencapai berat sekilogram berbanding serai kampung yang memerlukan kira-kira 30 batang sekilogram," katanya.

Katanya, proses menanam dan penjagaan juga tidak rumit tetapi

perlu menjaga rumput bagi memastikan pengeluaran hasil yang banyak.

"Serai mengeluarkan hasil sepanjang tahun dan saya menggunakan sistem tanam berperingkat. Seawal lima bulan serai sudah boleh dijual dan ia paling cantik ialah dalam tempoh lima hingga tujuh bulan. Bau wangi serai akan berkurangan apabila



## Kamarudin

DARI MUKA 1

mampu  
hasilkan  
tujuh tan bagi  
tanah seluas  
0.4 hektar

“Biasanya saya jual dengan harga borong RM3 sekilogram, tapi ia tidak menentu kerana mengikut pasaran semasa,” katanya yang memasarkan serainya di Manjung dan Ipoh.

Serai sesuai ditanam di kawasan beriklim tropika di tanah gembur dan lom berpasir serta memerlukan sistem saliran yang baik untuk subur.

Sebatang serai paha gajah saja sudah memadai dalam masakan. Faktor ‘kegemukannya’ menjadi tarikan pembeli dan mendapat permintaan tinggi.

Kamarudin yang juga peserta TKPM Titi Gantong mengambil peluang menanam serai itu sejak dua tahun lalu selain tanaman lain seperti jagung, nanas, pisang, labu, terung dan beberapa sayuran lain.

Katanya, pada mulanya beliau menjadikan tanaman serai sebagai pendapatan sampingan dan hanya ditanam di tepi parit.

Namun, apabila mendapat permintaan tinggi, dia mula meluaskan kawasan tanaman itu kepada satu hektar sebagai permulaan.

Menurut bapa kepada seorang anak itu, keistimewaan serai paha



PROSES mengangkut Serai.



Serai paha gajah juga mudah dibersihkan dan dalam sehari seorang mampu membersihkan 100 kilogram

## KAMARUDIN

anjak usia lapan bulan. Serai paha gajah juga dibersihkan dan dalam sehari seorang mampu membersihkan 100 kilogram,” katanya. Kamarudin berkata,

“Saya mahu ubah tanggapan segelintir masyarakat yang masih menganggap pertanian tidak mampu menjana pendapatan atau hanya cukup makan kerana keadaan itu pernah berlaku kepada saya.



**KAMARUDIN** menyusun serai yang sudah dibersihkan untuk pembungkusan.

ia meminati pertanian sejak dari kecil berikutan bu bapanya juga bekerja sebagai petani dan bersedia berkongsi ilmu dengan sesiapa yang berminat.

“Jadi, saya berbesar hati untuk berkongsi ilmu dengan sesiapa yang berminat menanam serai atau tanaman lain,” katanya.



17/01/2016  
28/10/16  
m 18-5

SETIAP hari peraih datang membeli serai terus dari ladang.